

# PERANAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR DALAM MEMBIMBING MUALAF MELALUI MODUL BERSEPADU BAITUS SALAM

## *THE ROLE OF THE SELANGOR ZAKAT BOARD IN GUIDING AND DEVELOPING MUALLAF THROUGH THE INTEGRATED BAITUS SALAM MODULE*

Dayana Batrisya Zahrain<sup>1</sup>  
Mohd Haidhar Kamarzaman<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. (E-mail: [p146945@siswa.ukm.edu.my](mailto:p146945@siswa.ukm.edu.my))

<sup>2</sup> Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. (E-mail: [haidhar@ukm.edu.my](mailto:haidhar@ukm.edu.my))

\*Corresponding author: [haidhar@ukm.edu.my](mailto:haidhar@ukm.edu.my)

### Article history

Received date : 14-5-2026

Revised date : 15-5-2026

Accepted date : 26-5-2026

Published date : 3-6-2026

### To cite this document:

Zahrain, D. B., & Kamarzaman, M. H. (2026). Peranan Lembaga Zakat Selangor dalam membimbing mualaf melalui modul bersepadu Baitus Salam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (83), 17 - 28.

**Abstrak:** *Mualaf merupakan golongan yang memerlukan perhatian khusus selepas memeluk agama Islam kerana mereka sering berhadapan dengan pelbagai cabaran, khususnya dari aspek akidah, emosi, sosial dan ekonomi. Di Negeri Selangor, Lembaga Zakat Selangor memainkan peranan penting dalam membimbing dan melindungi mualaf melalui penubuhan Baitus Salam sebagai pusat perlindungan dan pendidikan khusus kepada saudara baharu. Walaupun pelbagai kajian berkaitan pengurusan dan pembangunan mualaf telah dijalankan, namun penelitian terhadap peranan Modul Bersepadu Baitus Salam dalam memperkukuh penghayatan Islam mualaf masih kurang dibincangkan secara khusus. Sehubungan itu, artikel ini membincangkan peranan LZS dalam membimbing mualaf melalui pelaksanaan Modul Bersepadu Baitus Salam yang diperkenalkan pada tahun 2022. Modul ini dibangunkan bagi memperkukuh kefahaman agama, penghayatan Islam, pembangunan sahsiah serta kemahiran hidup mualaf secara holistik. Artikel ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif melalui kaedah kajian kepustakaan dengan merujuk kepada dokumen rasmi, artikel akademik dan kajian-kajian lepas berkaitan pengurusan mualaf di Malaysia. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik. Analisis kajian menunjukkan bahawa Modul Bersepadu Baitus Salam berperanan penting dalam membantu mualaf menyesuaikan diri sebagai Muslim baharu melalui pendekatan pembangunan ilmu, pengurusan diri, kepimpinan dan kemahiran kerjaya secara lebih sistematik dan holistik. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran masih wujud, khususnya dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan modul secara berterusan. Oleh itu, penambahbaikan terhadap sistem bimbingan dan sokongan kepada mualaf perlu diberi perhatian bagi memastikan golongan ini dapat menghayati Islam secara menyeluruh serta terus berpegang teguh kepada ajaran Islam dalam kehidupan.*

**Kata Kunci:** *Muallaf, Lembaga Zakat Selangor, Modul Bersepadu Baitus Salam*

**Abstract:** *Muallaf are among the groups that require special attention after embracing Islam, as they often face various challenges, particularly in terms of faith, emotional well-being, social adaptation, and economic stability. In the state of Selangor, the Selangor Zakat Board plays a significant role in guiding and protecting muallaf through the establishment of Baitus Salam as a dedicated shelter and educational centre for new converts. Although various studies related to the management and development of muallaf have been conducted, research specifically focusing on the role of the Integrated Baitus Salam Module in strengthening the religious appreciation of muallaf remains limited. Therefore, this article discusses the role of the Selangor Zakat Board (LZS) in guiding muallaf through the implementation of the Integrated Baitus Salam Module introduced in 2022. The module was developed to strengthen religious understanding, appreciation of Islam, character development, and life skills among muallaf in a holistic manner. This study adopts a qualitative approach through library research methods by referring to official documents, academic articles, and previous studies related to muallaf management in Malaysia. The data were analysed using thematic content analysis. The analysis indicates that the Integrated Baitus Salam Module plays an important role in assisting muallaf to adapt as new Muslims through systematic and holistic approaches involving knowledge development, self-management, leadership, and career skills. Nevertheless, several challenges remain, particularly in ensuring the continuous effectiveness of the module's implementation. Therefore, improvements to the guidance and support system for muallaf should be given due attention to ensure that they are able to fully appreciate Islam and strengthen their commitment to Islamic teachings in their daily lives.*

**Keywords:** *Muallaf, Selangor Zakat Board, Integrated Baitus Salam Module*

## **Pengenalan**

Islam merupakan agama yang membawa rahmat untuk seluruh manusia tanpa mengira bangsa, kaum mahupun kedudukan sosial. Keindahan Islam bukan sahaja terletak pada syahadah yang dilafazkan, tetapi lebih penting adalah pada kefahaman, penghayatan dan pengamalan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Justeru, apabila seseorang individu memeluk Islam, hal tersebut bukanlah penamat kepada perjalanan rohaninya, tetapi sebenarnya permulaan kepada kehidupan baharu yang penuh dengan tanggungjawab, cabaran serta tuntutan.

Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, isu pemelukan Islam dalam kalangan bukan Islam bukan lagi suatu fenomena asing. Statistik Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menunjukkan jumlah pendaftaran muallaf di Negeri Selangor meningkat dari tahun ke tahun. Menurut Pengarah Pembangunan Sosial Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), seramai 1429 muallaf telah didaftarkan pada tahun 2020, diikuti 1327 orang pada tahun 2021 dan 1715 orang pada tahun 2022. Selain itu, sebanyak 749 pendaftaran direkodkan setakat Jun 2024 (Norafiza Jaafar, 2023). Pengerusi MAIS, Datuk Salehudin Saidin pula memaklumkan bahawa seramai 1875 individu telah didaftarkan sebagai muallaf sepanjang tahun 2024 (BERNAMA, 2025). Peningkatan ini memperlihatkan perkembangan positif dalam usaha dakwah Islam di Selangor, namun pada masa yang sama turut menimbulkan cabaran dalam memastikan golongan muallaf menerima bimbingan dan sokongan yang sewajarnya selepas pengislaman.

Realitinya, kehidupan seorang muallaf selepas memeluk Islam sering kali berhadapan dengan pelbagai cabaran dari sudut akidah, emosi, sosial dan ekonomi. Sebahagian muallaf mengalami

tekanan keluarga, pemuluan sosial, kehilangan sumber kewangan serta kesukaran menyesuaikan diri dengan identiti baharu sebagai seorang Muslim. Keadaan ini boleh memberi kesan terhadap kestabilan emosi dan penghayatan agama mereka sekiranya tidak disertai dengan bimbingan yang sistematik dan berterusan. Malah, terdapat juga mualaf yang berisiko kembali kepada agama asal akibat kegagalan menyesuaikan diri dengan kehidupan sebagai Muslim.

Bagi menangani isu tersebut, Lembaga Zakat Selangor telah memperkenalkan Modul Bersepadu Baitus Salam sebagai satu pendekatan khusus dalam membimbing dan membangunkan mualaf di Negeri Selangor. Modul ini dibangunkan bagi membantu mualaf memperkukuh kefahaman agama, penghayatan Islam, pembangunan sahsiah serta kemahiran hidup secara holistik. Walaupun terdapat pelbagai kajian berkaitan pengurusan dan pembangunan mualaf di Malaysia, namun kajian yang memfokuskan secara khusus terhadap Modul Bersepadu Baitus Salam masih terhad. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek bantuan zakat, cabaran mualaf dan peranan institusi agama secara umum, sedangkan penelitian terhadap kandungan modul, pendekatan pendidikan serta peranannya dalam memperkukuh penghayatan Islam mualaf masih kurang dibincangkan secara mendalam. Selain itu, masih kurang kajian yang meneliti bagaimana modul ini berfungsi sebagai medium sokongan pasca pengislaman dalam membantu mualaf menyesuaikan diri sebagai seorang Muslim. Oleh itu, artikel ini membincangkan peranan Lembaga Zakat Selangor dalam membimbing mualaf melalui pelaksanaan Modul Bersepadu Baitus Salam sebagai satu usaha memperkukuh pembangunan dan penghayatan Islam dalam kalangan saudara baharu.

### **Definisi Mualaf**

Mualaf merujuk kepada individu yang baru memeluk agama Islam atau lebih dikenali sebagai saudara baharu. Menurut Fatwa Negeri Selangor bertarikh 25 Oktober 2007, status mualaf digunakan dalam tempoh lima tahun bermula daripada tarikh pendaftaran pengislaman di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) (Syarul Azman et al., 2018). Dalam Bahasa Melayu, Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2010) mentakrifkan mualaf sebagai seseorang yang baru memeluk Islam. Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia pula, golongan mualaf kebanyakannya terdiri daripada saudara baharu daripada kaum Cina, India dan kaum-kaum lain yang menerima Islam sebagai agama baharu mereka (Anuar Putih, 1999 ; Irwan Mohd Subri et al., 2015).

Dari perspektif Islam, mualaf ialah individu yang telah meninggalkan pegangan agama asal dan memilih Islam sebagai agama fitrah. Golongan ini memerlukan bimbingan serta sokongan berterusan bagi memahami ajaran Islam, khususnya berkaitan akidah, ibadah asas dan cara hidup Muslim seperti bersuci, solat dan puasa. Dalam Islam, istilah mualaf disebut sebagai *mu'allafah qulubuhum*, iaitu golongan yang dijinakkan hati mereka kepada Islam dan termasuk dalam golongan keempat daripada asnaf yang layak menerima zakat. Istilah *qulubuhum* berasal daripada gabungan perkataan *qulub* dan *hum* yang merujuk kepada mengubah atau membalikkan sesuatu daripada bahagian luar kepada bahagian dalam. (Irwan Mohd Subri et al., 2015). Oleh itu, mualaf dapat difahami sebagai individu yang telah mengucapkan dua kalimah syahadah serta bertekad menjadikan Allah SWT dan ajaran Islam sebagai panduan utama dalam kehidupan mereka (Azirawati Abdul Rahman et al., 2021).

### **Keperluan Bimbingan Mualaf dalam Islam**

Golongan mualaf merupakan sebahagian daripada umat Islam yang mempunyai kedudukan dan hak yang sama seperti Muslim lain walaupun berasal daripada latar belakang budaya dan etnik

yang berbeza. Oleh itu, kebajikan dan pembangunan mereka perlu diberi perhatian secara serius supaya mereka dapat menjalani kehidupan baharu sebagai seorang Muslim dengan lebih baik. Dalam hal ini, pendidikan dan bimbingan agama menjadi keutamaan yang perlu diberikan kepada muallaf sejurus selepas mereka memeluk Islam bagi membantu mereka memahami asas-asas ajaran Islam dengan sempurna (Razaleigh Muhamat @ Kawangit, 2014).

Bagi memastikan golongan muallaf dapat menghayati Islam dengan baik, proses pendidikan dan pembelajaran Islam perlu dijalankan secara berterusan oleh pelbagai pihak sama ada institusi kerajaan mahupun badan bukan kerajaan. Selain itu, bimbingan selepas pengislaman juga merupakan tanggungjawab *fardu kifayah* khususnya kepada institusi yang berkaitan dalam memastikan muallaf memperoleh kefahaman yang tepat tentang Islam (Nur Shuhadah Abdul Rahin et al., 2024). Pendidikan yang menyeluruh disertai sokongan dari sudut rohani dan fizikal mampu membantu menguatkan pegangan akidah muallaf serta mengelakkan mereka daripada kembali kepada pegangan agama terdahulu (Faezy Adenan et al., 2021).

Di samping itu, proses memeluk Islam turut membawa pelbagai cabaran kepada muallaf pada setiap peringkat kehidupan mereka, sama ada pada fasa awal pengislaman mahupun ketika mereka sedang berusaha memperkukuh penghayatan Islam dalam diri. Dalam proses tersebut, mereka memerlukan pengetahuan agama, kesabaran, galakan, sokongan, nasihat dan motivasi secara berterusan bagi membantu mereka menghadapi setiap ujian yang berlaku. Sokongan yang berpanjangan amat penting supaya golongan muallaf dapat mencapai ketenangan jiwa serta kestabilan dalam menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim (Nur A'thiroh Masyaa'il & Fariza Md Sham, 2009).

Oleh itu, keperluan bimbingan muallaf tidak hanya melibatkan aspek keagamaan semata-mata, malah turut merangkumi aspek emosi, sosial dan psikologi. Pendekatan bimbingan yang bersifat menyeluruh dan berterusan amat penting bagi memastikan golongan muallaf mampu menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu serta terus istiqamah dalam mengamalkan ajaran Islam.

### **Peranan Lembaga Zakat Selangor Terhadap Asnaf Muallaf**

Lembaga Zakat Selangor bermula daripada penubuhan Pusat Zakat Selangor atau nama asalnya Pusat Pungutan Zakat MAIS pada tahun 1994. Penubuhan institusi ini bertujuan memperkemas sistem pentadbiran zakat di Selangor agar lebih sistematik dan profesional. Sehubungan itu, MAIS telah memberikan mandat kepada Pusat Zakat Selangor untuk mengurus urusan kutipan dan pengagihan zakat yang sebelum ini berada di bawah pengurusan Baitulmal. Perkembangan serta pembaharuan dalam sistem pentadbiran zakat di Selangor kemudiannya membawa kepada penubuhan Lembaga Zakat Selangor (LZS) (Mohammad Mahyuddin Khalid et al., 2021).

Kini, Lembaga Zakat Selangor berperanan sebagai institusi yang bertanggungjawab mengurus kutipan dan pengagihan dana zakat di Selangor. LZS bertindak sebagai pemegang amanah dalam memastikan pengurusan zakat dilaksanakan secara cekap, berkesan dan selaras dengan hukum syariah, di samping menjadi penghubung antara pembayar zakat dan golongan asnaf yang memerlukan bantuan. Selain membantu golongan fakir dan miskin, institusi ini turut memainkan peranan penting dalam membangunkan asnaf muallaf melalui pelbagai bentuk bantuan, program pendidikan dan sokongan sosial bagi memastikan mereka dapat meneruskan kehidupan sebagai Muslim dengan lebih baik dan terjamin.

Dalam konteks pembangunan muallaf, Lembaga Zakat Selangor menyediakan pelbagai bentuk sokongan seperti bantuan kewangan, perlindungan, pendidikan agama dan pembangunan sosial kepada golongan saudara baharu. Bantuan kewangan diberikan bagi membantu mereka yang menghadapi kesukaran hidup atau kehilangan sumber pendapatan selepas memeluk Islam. Menurut Fuadah et al. (2018), bantuan zakat yang diterima mampu membantu saudara baharu mengurus kehidupan ekonomi dengan lebih baik, di samping menyelesaikan masalah keluarga serta mengurangkan beban kemiskinan yang dihadapi oleh mereka dan keluarga bukan Islam mereka.

Selain berfungsi sebagai instrumen kewangan, zakat turut memainkan peranan dalam pembangunan sosial dan ekonomi golongan muallaf. Peruntukan zakat bukan sahaja disalurkan dalam bentuk bantuan langsung, malah dimanfaatkan untuk memenuhi keperluan rohani, emosi dan intelektual melalui pendidikan yang bersepadu. Oleh itu, kurikulum pendidikan khas yang merangkumi ilmu *fardu ain* serta sokongan sosioekonomi amat penting bagi memperkukuh akidah dan membantu muallaf menghadapi cabaran selepas memeluk Islam (Faezy Adenan et al., 2020). Usaha ini menunjukkan bahawa pembangunan muallaf tidak hanya tertumpu kepada bantuan material semata-mata, tetapi turut melibatkan aspek kerohanian, emosi dan sosial secara menyeluruh.

### **Sejarah Penubuhan Baitus Salam Lembaga Zakat Selangor**

Baitus salam merupakan sebuah institusi pusat perlindungan sementara bagi muallaf yang berperanan sebagai pusat komuniti untuk membangunkan jati diri serta memberikan pendidikan *fardu ain* meliputi aspek akidah, ibadah dan akhlak. Institusi ini juga berfungsi sebagai pusat transformasi dan kebajikan muallaf bagi membantu saudara baharu menyesuaikan diri dengan kehidupan sebagai seorang Muslim melalui pembelajaran yang lebih efektif dan berstruktur. Menurut Asmaa Ahmad et al. (2021), pada peringkat awal pusat perlindungan muallaf di Selangor ditadbir oleh Majlis Agama Islam Selangor secara berasingan mengikut daerah. Pada tahun 1980, pusat perlindungan pertama diwujudkan di Seksyen 19, Shah Alam di bawah seliaan Unit Ukhuwah dan Unit Dakwah Saudara Kita JAIS sebelum diselia oleh Bahagian Pembangunan Insan MAIS pada tahun 2005. Seterusnya, pada tahun 2010, pengurusan 23 buah rumah perlindungan muallaf dikawal selia oleh Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muallaf (BPPM) MAIS yang turut merangka dasar pendidikan muallaf serta melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan kefahaman agama dalam kalangan saudara baharu.

Hasil daripada keperluan tersebut, cadangan penubuhan sebuah pusat perlindungan khusus yang dinamakan Baitus Salam telah dikemukakan pada tahun 2011. Melalui penyusunan semula pengurusan pada tahun 2014, Baitus Salam dibangunkan di Jalan Kebun, Klang di atas tapak seluas 2.9 ekar dan mula beroperasi pada tahun 2016 di bawah seliaan BPPM MAIS. Bermula 1 April 2017, pengurusan Baitus Salam telah diambil alih oleh Lembaga Zakat Selangor kecuali urusan pendaftaran muallaf, dan pada September 2017 pusat ini mula beroperasi dengan konsep serta pengurusan yang baharu (Asmaa Ahmad et al., 2021).

Objektif penubuhan Baitus Salam adalah selaras dengan tuntutan *Bahagian V, Perkara 26* berhubung perlindungan muallaf berdasarkan *Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan Pengajaran bagi Muallaf (Negeri Selangor) 2009 pindaan 2013* yang memperuntukkan bahawa Majlis boleh menyediakan apa-apa bentuk perlindungan yang difikirkannya perlu kepada muallaf, jawatankuasa boleh meluluskan penempatan dan apa-apa bentuk perlindungan yang difikirkannya perlu kepada muallaf dan Ketua Pendaftar Muallaf boleh menempatkan

mualaf di mana-mana tempat atau menyebabkan disediakan apa-apa bentuk perlindungan kepada mereka yang difikirkannya sesuai dan wajar (Kerajaan Negeri Selangor, 2013).

Matlamat utama Baitus Salam adalah menyediakan perlindungan kepada mualaf yang disisihkan oleh keluarga atau saudara-mara setelah memeluk Islam, serta melindungi mereka daripada sebarang ancaman termasuk ancaman daripada ahli keluarga sendiri. Selain itu, Baitus Salam turut berperanan memberikan bimbingan asas *fardu ain* secara jangka pendek, di samping menawarkan ilmu vokasional bagi membantu meningkatkan taraf sosioekonomi mualaf (Lembaga Zakat Selangor, tt).

### **Baitus Salam sebagai Pusat Perlindungan dan Pendidikan Mualaf**

Di samping aspek kebajikan dan ekonomi, Baitus Salam juga berfungsi untuk membantu mualaf menyusun semula kehidupan dari sudut emosi dan sosial agar mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih stabil dan terarah. Lebih penting lagi, pusat ini turut memainkan peranan utama dalam memelihara akidah mualaf daripada dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu. Secara keseluruhannya, penubuhan Baitus Salam bukan sahaja memenuhi tuntutan syarak dan undang-undang, malah menjadi wadah penting dalam mengukuhkan kedudukan mualaf di Selangor.

Pada awal penubuhan, Kurikulum Pendidikan Baitus Salam dirangka bagi memastikan setiap penghuni memperoleh asas pendidikan Islam yang mencukupi sepanjang tempoh enam bulan. Dalam tempoh ini, setiap penghuni diwajibkan mengikuti 14 kelas pengajian setiap minggu selama 17 minggu, dengan setiap mata pelajaran berlangsung selama satu jam bagi memastikan penguasaan ilmu yang berperingkat dan berstruktur.

Kurikulum tersebut merangkumi bidang utama seperti *Tauhid*, *Feqah* dan *Iqra'* yang diajar oleh guru pembimbing, manakala mata pelajaran berbentuk praktikal seperti lafaz azan dan *iqamah*, *thoharah*, bacaan serta perlaksanaan solat, dan kelas bacaan *Iqra'* pula dikendalikan oleh warden pembimbing. Selain itu, *talaqqi* al-Quran dan Hafazan turut diajar oleh guru pembimbing bagi memperkukuh kemahiran bacaan dan hafalan al-Quran. Bagi melengkapkan pengajian, ilmu sokongan lain seperti *Tafsir*, *Akhlak*, *Hadith*, *Sirah* dan *Feqah* pula disampaikan oleh guru yang dilantik secara khusus oleh Baitus Salam. Secara keseluruhannya, kurikulum ini memberi penekanan terhadap penguasaan asas *fardu ain*, penghayatan al-Quran, pembentukan akhlak, serta pengukuhan jati diri mualaf (Faezy Adenan et al., 2021).

Walau bagaimanapun, silibus dan kurikulum yang benar-benar khusus serta sistematik masih belum diwujudkan di Baitus Salam. Meskipun para pembimbing diberikan jadual pengajian yang merangkumi subjek teras seperti *Tauhid*, *Feqah* dan hadis, pelaksanaan pengajaran masih bergantung kepada kebijaksanaan individu pembimbing. Malah, bahan yang dibekalkan seperti buku Kelas Fardhu Ain Mualaf (KFAM) tidak sepenuhnya menjurus kepada keperluan sebenar pengajian mualaf di Baitus Salam. Keadaan ini menimbulkan cabaran dalam memastikan proses pendidikan yang konsisten, menyeluruh dan sesuai dengan konteks kehidupan mualaf (Faezy Adenan et al., 2020).

### **Latar Belakang Pembangunan Modul Bersepadu Baitus Salam**

Pada 30 Mac 2022, Lembaga Zakat Selangor telah melancarkan Modul Bersepadu Baitus Salam dalam satu majlis rasmi yang disempurnakan oleh Mohd Farid Ravi Abdullah selaku Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Baitus Salam. Modul ini dibangunkan dengan kerjasama Institut Kajian Zakat Malaysia (IkaZ) dan Universiti Teknologi MARA sebagai panduan bagi LZS

dalam melaksanakan bimbingan serta pendidikan kepada golongan mualaf yang menghuni di Baitus Salam. Usaha ini secara tidak langsung menyokong kelestarian penghayatan Islam dalam kalangan mualaf (Khairul Izwan, 2022).

Pembangunan Modul Bersepadu Baitus Salam juga dilihat sebagai satu usaha penambahbaikan terhadap sistem pendidikan sedia ada di Baitus Salam, khususnya dalam menangani kelemahan dari sudut penyelarasan silibus, pendekatan pengajaran dan kesesuaian kandungan pembelajaran terhadap keperluan mualaf. Selain itu, pembangunan modul ini turut selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Mualaf Negeri Selangor 2017 yang menekankan pendekatan pendidikan bermodul secara berperingkat melalui penamatan lima modul Kelas Fardhu Ain Mualaf (KFAM). Pendekatan ini bertujuan membentuk mualaf yang bukan sahaja memahami asas agama, malah mampu menghayati serta mengamalkan Islam dalam kehidupan seharian.

### **Komponen Modul Bersepadu dan Perannya terhadap Mualaf**

Modul Bersepadu yang dibangunkan oleh Institut Kajian Zakat Malaysia (IkaZ) dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA merangkumi empat komponen utama, iaitu Modul Pembangunan Ilmu yang terdiri daripada enam subjek utama iaitu Tauhid, Feqah, Akhlak, Sirah, Hadis dan Tafsir, Modul Pengurusan Diri, Modul Kepimpinan dan Modul Kemahiran Kerjaya.

Walaupun Baitus Salam berfungsi sebagai pusat perlindungan, namun penekanan utama tetap diberikan kepada aspek pembangunan ilmu sebanyak 60%, diikuti pengurusan diri sebanyak 20%, manakala kepimpinan dan kemahiran kerjaya masing-masing sebanyak 10%. Peratusan ini mencerminkan iltizam Divisyen Pembangunan Asnaf selaku pemacu yang bertanggungjawab membangunkan golongan asnaf secara strategik dan tersusun, berlandaskan halatuju serta Pelan Pembangunan Pendidikan Mualaf Negeri Selangor 2017 (Siti Afifah Mat Rani et al., 2022).

Pendidikan bermodul yang digariskan dalam pelan tersebut meletakkan asas pembelajaran mualaf selama lima tahun melalui penamatan lima modul Kelas Fardhu Ain Mualaf (KFAM). Sehubungan itu, Modul Bersepadu Baitus Salam dilihat sebagai kesinambungan daripada pendekatan pendidikan bermodul yang disarankan dalam Pelan Pendidikan Mualaf, dengan matlamat untuk membentuk mualaf yang benar-benar bersedia memikul tanggungjawab sebagai seorang mukallaf.

Secara keseluruhannya, modul ini melengkapinya modul sedia ada di Baitus Salam dengan memberi penekanan sebanyak 60% kepada aspek fardhu ain melalui Modul Pembangunan Ilmu, manakala baki 40% merangkumi fardhu kifayah melalui Modul Pengurusan Diri, Kepimpinan dan Kemahiran Kerjaya. Pelaksanaan modul ini memperlihatkan bahawa pendidikan mualaf tidak hanya tertumpu kepada aspek ibadah semata-mata, malah merangkumi pembangunan diri secara holistik meliputi aspek spiritual, emosi, sosial dan ekonomi. Oleh itu, Modul Bersepadu Baitus Salam dilihat sebagai satu pendekatan penting dalam memperkasakan pembangunan mualaf agar mereka lebih bersedia menjalani kehidupan sebagai Muslim secara menyeluruh dan berterusan.

### **Cabaran Penguatan Penghayatan Islam dalam Kalangan Mualaf**

Penguatan penghayatan Islam dalam kalangan mualaf merupakan satu proses yang memerlukan bimbingan, sokongan dan pemantauan yang berterusan. Walaupun pelbagai usaha

telah dilaksanakan oleh institusi agama bagi membantu golongan saudara baharu memahami dan mengamalkan ajaran Islam, masih terdapat beberapa cabaran yang mempengaruhi keberkesanan proses tersebut. Cabaran ini melibatkan aspek kefahaman agama, penyesuaian diri, sokongan sosial serta pelaksanaan modul bimbingan yang sesuai dengan keperluan mualaf. Oleh itu, perbincangan dalam bahagian ini akan meneliti beberapa cabaran utama dalam usaha memperkukuh penghayatan Islam dalam kalangan mualaf.

### **Cabaran Pengisytiharan Status Agama dalam Kalangan Mualaf**

Fenomena permohonan pengisytiharan status agama dalam kalangan mualaf di Malaysia, khususnya di Negeri Selangor, merupakan antara isu yang semakin mendapat perhatian masyarakat dan pihak berkuasa agama. Walaupun pelbagai usaha dakwah dan bimbingan telah dilaksanakan oleh institusi Islam seperti Lembaga Zakat Selangor melalui Modul Bersepadu Baitus Salam, masih terdapat kes permohonan pengisytiharan status agama yang melibatkan individu yang pernah memeluk Islam. Situasi ini menimbulkan persoalan terhadap keberkesanan program bimbingan dalam memastikan kefahaman, penghayatan dan istiqamah mualaf terhadap ajaran Islam.

Dari sudut perundangan, *Seksyen 61(3)(b)(x) dan (xi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003* memperuntukkan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah dalam membuat pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam atau menentukan status agama seseorang yang telah meninggal dunia. Walau bagaimanapun, bidang kuasa tersebut bukanlah memberi ruang kepada permohonan keluar daripada Islam secara langsung, sebaliknya melibatkan permohonan pengisytiharan status agama.

Antara alasan utama yang sering dikemukakan dalam permohonan tersebut ialah kegagalan untuk meneruskan kehidupan sebagai Muslim selepas perceraian, kurangnya penghayatan terhadap ajaran Islam sejak kecil serta dakwaan bahawa proses pengislaman tidak dilaksanakan mengikut prosedur yang betul. Situasi ini menunjukkan bahawa masih terdapat kelemahan dari aspek pemantapan kefahaman agama, sokongan pasca pengislaman dan kesinambungan bimbingan terhadap golongan mualaf.

Berdasarkan data Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, sebanyak 223 kes permohonan pengisytiharan status agama telah direkodkan sepanjang tempoh tahun 2020 hingga September 2024 dengan 24 kes ditarik balik (Dewan Negeri Selangor, 2024). Statistik tersebut memperlihatkan bahawa isu pengisytiharan status agama dalam kalangan mualaf masih berlaku secara konsisten setiap tahun. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih terdapat sebahagian mualaf yang menghadapi kesukaran untuk mengekalkan penghayatan Islam secara berterusan walaupun telah mengikuti pelbagai bentuk bimbingan dan pendidikan agama.

Menurut Nazihah Rusli dan Firdaus Khairi Abdul Kadir (2022), golongan mualaf sering berhadapan dengan cabaran emosi dan sosial selepas memeluk Islam seperti konflik keluarga, perubahan gaya hidup dan kesukaran menyesuaikan diri dengan identiti baharu sebagai Muslim. Oleh itu, pendekatan bimbingan yang lebih holistik dan berterusan amat penting bagi membantu mualaf memperkukuh kefahaman, penghayatan dan istiqamah dalam kehidupan beragama.

### **Cabaran Penyesuain Diri selepas Pengislaman**

Golongan mualaf sering berdepan pelbagai cabaran dalam proses menghayati ajaran Islam selepas memeluk agama tersebut. Antara cabaran utama ialah pengislaman atas faktor

perkahwinan yang kemudiannya berakhir dengan perceraian. Kajian oleh Abdul Ghafar Don et al. (2009), menjelaskan bahawa faktor perkahwinan dengan pasangan Melayu beragama Islam merupakan antara sebab seseorang memeluk Islam. Dalam situasi tertentu, muaf kehilangan sokongan pasangan dan menghadapi kesukaran untuk meneruskan kehidupan sebagai seorang Muslim tanpa bimbingan serta sokongan yang berterusan. Selain itu, perbezaan adat dan budaya dalam kehidupan keluarga silang budaya melalui perkahwinan muaf turut menimbulkan pelbagai cabaran serta perbezaan pandangan antara ahli keluarga. Keadaan ini berlaku apabila setiap pihak masih mengekalkan latar budaya masing-masing sebelum mencapai persefahaman terhadap budaya dan cara hidup baharu yang diamalkan bersama. Situasi menjadi lebih mencabar apabila komunikasi dengan keluarga mentua dan keluarga baharu tidak berjalan dengan baik sehingga menyebabkan berlakunya salah faham dan hubungan kekeluargaan yang kurang harmoni (Azirawati Abdul Rahman et al., 2021).

Selain itu, terdapat juga muaf yang dibesarkan dalam persekitaran bukan Islam sejak kecil sehingga kurang memahami ajaran Islam secara menyeluruh. Keadaan ini menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan tuntutan agama dan identiti baharu sebagai Muslim. Kurangnya penguasaan terhadap ilmu asas Islam turut memberi kesan terhadap kestabilan akidah dan penghayatan agama mereka. Kajian Nur Ain Sumaiyah Abdullah dan Noor Aishah Rosli (2018) mendapati bahawa sebahagian besar saudara baharu mengalami masalah kemurungan, iaitu sebanyak 38% pada tahap sederhana dan 20% pada tahap tinggi. Selain itu, masalah kemurungan dan kecelaruan mental turut dilihat boleh mendorong saudara baharu kepada gejala negatif serta kecenderungan untuk kembali kepada agama asal (Noreha Che Abah et al., 2019).

Cabaran lain yang turut dihadapi ialah kurangnya sokongan daripada keluarga dan masyarakat sekeliling. Sebahagian muaf mengalami penolakan keluarga, dipulaukan dan berasa terasing selepas memeluk Islam. Situasi tersebut memberi tekanan emosi yang besar serta menjejaskan keyakinan diri mereka dalam menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim. Oleh itu, sokongan sosial, pendidikan agama dan pemantauan yang berterusan amat penting dalam membantu muaf mengekalkan penghayatan Islam secara lebih istiqamah. Menurut Hazny Saleh et al. (2022), sokongan daripada ibu bapa, ahli keluarga, saudara-mara dan komuniti sesama Islam memainkan peranan penting dalam membantu saudara baharu berasa lebih diterima serta mampu menyesuaikan diri dalam masyarakat Islam.

Secara tuntasnya, proses penyesuaian diri selepas memeluk Islam bukanlah suatu perkara yang mudah khususnya bagi golongan wanita muaf. Mereka memerlukan penerimaan, perhatian dan sokongan daripada keluarga serta masyarakat sekeliling agar tidak berasa terpinggir atau keserongan dalam menghadapi cabaran kehidupan sebagai saudara baharu. Oleh itu, masyarakat Islam perlu memainkan peranan dengan memberikan sokongan moral, bimbingan agama dan layanan yang baik supaya golongan muaf dapat menyesuaikan diri dengan lebih baik serta terus istiqamah dalam menghayati ajaran Islam (Nur Najwa Hanani Abd Rahman et al., 2023).

### **Cabaran Pelaksanaan Modul Bersepadu Baitus Salam**

Pelaksanaan Modul Bersepadu Baitus Salam turut berdepan beberapa cabaran dalam usaha memperkukuh penghayatan Islam dalam kalangan muaf. Antara cabaran utama ialah perbezaan latar belakang muaf dari aspek umur, budaya, pendidikan serta tahap kefahaman Islam yang berbeza-beza sehingga menyukarkan proses penyeragaman pengajaran dan pembelajaran. Majoriti penghuni Baitus Salam juga terdiri daripada muaf berbangsa Cina dan

India yang mempunyai tahap penguasaan Bahasa Melayu yang agak lemah. Keadaan ini menimbulkan kesukaran kepada tenaga pengajar kerana Bahasa Melayu digunakan sebagai medium utama dalam penyampaian modul pembelajaran. Selain itu, tempoh pengajian di Baitus Salam yang hanya selama enam bulan turut dilihat kurang mencukupi untuk memastikan mualaf dapat memahami dan menghayati ajaran Islam secara menyeluruh (Asmaa Ahmad et al., 2021).

Di samping itu, bimbingan yang hanya bersifat teori semata-mata dilihat kurang mencukupi dalam membantu mualaf menghayati Islam dengan lebih berkesan. Golongan ini turut memerlukan sokongan emosi, kaunseling serta pemantauan yang konsisten bagi membantu mereka menghadapi cabaran kehidupan dan proses penyesuaian diri sebagai Muslim. Oleh itu, pendekatan yang lebih praktikal, fleksibel dan berterusan amat penting bagi memastikan pembelajaran yang dilaksanakan mampu memberi kesan yang lebih mendalam terhadap pembentukan sahsiah, kestabilan emosi dan kefahaman agama dalam kalangan mualaf.

Pelaksanaan Modul Bersepadu Baitus Salam juga masih tertumpu di Baitus Salam Selangor dan belum diperluaskan secara menyeluruh ke negeri-negeri lain di Malaysia. Keadaan ini menyebabkan manfaat dan keberkesanan modul tersebut masih belum dapat dinikmati oleh lebih ramai golongan mualaf di seluruh negara. Walaupun pendekatan yang digunakan mempunyai potensi besar dalam membantu pembangunan, bimbingan dan pemerkasaan saudara baharu secara lebih sistematik, usaha peluasan modul ke peringkat yang lebih meluas masih memerlukan sokongan, perancangan dan kerjasama pelbagai pihak agar kebajikan serta pembangunan mualaf dapat diperkukuhkan secara lebih menyeluruh dan berkesan.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, Lembaga Zakat Selangor memainkan peranan yang signifikan dalam membimbing dan memperkasa golongan mualaf melalui pelaksanaan Modul Bersepadu Baitus Salam. Modul ini dilaksanakan sebagai satu pendekatan pendidikan dan pembangunan mualaf yang lebih sistematik dalam usaha memperkukuh kefahaman agama, penghayatan Islam, pembentukan sahsiah serta pembangunan kemahiran hidup saudara baharu secara holistik.

Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa cabaran dalam usaha memperkukuh penghayatan Islam dalam kalangan mualaf, khususnya melibatkan aspek penyesuaian diri, sokongan sosial, kestabilan emosi serta keberkesanan pelaksanaan modul mengikut keperluan dan latar belakang mualaf yang berbeza. Oleh itu, penambahbaikan terhadap sistem bimbingan, pemantauan dan sokongan pasca pengislaman perlu diperkasakan bagi memastikan golongan mualaf dapat terus istiqamah dan menghayati ajaran Islam secara lebih menyeluruh.

Justeru, kerjasama antara institusi agama, masyarakat dan pelbagai pihak berkepentingan amat penting dalam memperkukuh pembangunan mualaf agar dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh, berkesan dan berterusan pada masa hadapan.

## Rujukan

- Abah, N. C., Suhid, A. & Fakhrudin, F. M. 2019. Isu Dan Cabaran Saudara Baharu Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal: Muallaf Issues And Challenges: A Preliminary Review. *Jurnal Al-Anwar*: 1-13.
- Abd Rahman, N. N. H., Arib, N. M. & Hamjah, S. H. 2023. Analisis Tinjauan Literatur Keperluan Sokongan Sosial Dalam Pemerkasaan Saudara Baru (MUALAF) Wanita. *Proceeding International Seminar On Da'wah IV (ISOD IV) 2023*, hlm. 1.
- Abdul Ghafar Don, A. P. a. R. 2009. *Islam dan Saudara Kita*. Shah Alam: BPI MAIS.
- Abdullah, N. a. S. & Rosli, N. A. 2018. Kemurungan dalam kalangan muallaf di pusat pengajian PERKIM Wilayah Persekutuan. *MOJPC: Malaysia Online Journal of Psychology & Counselling* 5(1): 52-63.
- Adenan, F., Rani, M. a. M., Arif, M. I. a. M., Bahari, A., Arshad, A. M. & Rani, S. a. M. 2020. Analisis Modul Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Kelas Pengajian Muallaf di Pusat Perlindungan Baitus Salam Selangor. *Jurnal Kesidang* 5(1): 19-30.
- Adenan, F., Rani, M. a. M., Arif, M. I. a. M., Bhari, A. & Rani, S. a. M. 2021. Modul Pendidikan Muallaf di Malaysia: Analisa terhadap Tahap dan Kandungan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(1): 266.
- Anuar Putih. 1999. Program kefahaman Islam saudara baru Cina di Kuala Lumpur. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Asmaa Ahmad, F. A., Mohd Afandi Mat Rani, Mohd Izzat & Amsyar Mohd Arif, A. B. D. S. a. M. R. 2021. Analisis Aspek Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Modul Bimbingan Muallaf Baitussalam. Jakarta Badan Amil Zakat Nasional (Puskas BAZNAS).
- Azirawati Abdul Rahman, S. H. M., Norrodzoh Haji Siren Dan Yusmini & Yusoff, M. 2021. KOMUNIKASI SILANG BUDAYA MUALLAF CINA DI SELANGOR. Jakarta Badan Amil Zakat Nasional (Puskas BAZNAS).
- Bernama. 2025. MAIS Daftar 1875 Muallaf Tahun Lepas. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2414448> [ 2 Ogos 2025]
- Dewan Negeri Selangor. 2024. Kes Murtad Atau Keluar Dari Islam Tahun 2020-2024 (Soalan Bertulis Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Yang Ke Lima Belas Tahun 2024) <https://dewan.selangor.gov.my/question/kes-murtad-atau-keluar-dari-islam-dari-tahun-2020-2024/> [ 3 Ogos 2025]
- Izwan, K. 2022. LZS LANCAR MODUL BERSEPADU BAITUS SALAM. Shah Alam, Lembaga Zakat Selangor. <https://www.zakatselangor.com.my/terkini/lzs-lancar-modul-bersepadu-baitus-salam/> [ 3 Ogos 2025]
- Jaafar, N. 2023. Lebih 5,000 muallaf didaftar di PPP Selangor. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/270825/edisi/selangor-kl/lebih-5000-muallaf-didaftar-di-ppp-selangor> [ 4 Ogos 2025]
- Johari, F., Ali, A. F. M. & Aziz, M. R. A. 2018. The Role of Zakat and Success Factor for Muallaf Conditions: An Analysis in Selangor, Malaysia. *Ulum Islamiyyah* 24: 11-23.
- Kawangit, R. M. 2014. *Realiti Saudara Baru*. Bangi: Penerbit Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Kerajaan Negeri Selangor. 2013. Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan Pengajaran bagi Muallaf (Negeri Selangor) (Pindaan) 2013. *Warta Kerajaan Negeri Selangor* 66 (16). Lembaga Zakat Selangor. tt. Baitus Salam. <https://www.zakatselangor.com.my/asnaf/baitus-salam/> [ 6 Ogos 2025]
- Masyaa'ill, A. T. & Sham, F. M. 2009. Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. *Jurnal Hadhari* 1(2): 83-97.

- Mohammad Mahyuddin Khalid, M. F. M., Mohd Ashrof Zaki Yaakob,. 2021. Kumpulan Artikel Zakat, Wakaf, dan Filantropi Islam. Implementation of Hisbah and Risk Management in Zakat Institution: A Case Study at Lembaga Zakat Selangor. Jakarta Badan Amil Zakat Nasional (Puskas BAZNAS).
- Pustaka, D. B. D. 2010. Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Rahin, N. S. A., Abdullah, S. & Mohamad, N. I. 2024. Pengurusan Pengajian Islam Terhadap Mualaf [Management of Islamic Studies to Mualaf]. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080) 7(1): 216-228.
- Rahman, A. A., Siren, N. R. H. & Yusoff, Y. M. 2021. Kaedah Komunikasi Keluarga dalam Surah Āli ‘Imrān Ayat 159: Kajian Amalan Mualaf Cina di Selangor: Method of Family Communication in Surah Āli ‘Imrān Section 159: A Study of Chinese Mualaf Practice in Selangor. Jurnal Usuluddin 49(1): 27-53.
- Rani, S. a. M., Arif, M. I. a. M., Rani, M. a. M., Adenan, F., Bhari, A., Said, S. & Izham, S. S. 2022. Empowerment Of Mualaf Education Module: Aspirations For Excellence In Knowledge Development In The State Of Selangor: Pemerksaan Modul Pendidikan Mualaf: Aspirasi Kecemerlangan Pembangunan Ilmu Di Negeri Selangor. al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies 25(2): 49-63.
- Rusli, N. & Kadir, F. K. A. 2022. The challenges encountered by mualaf after conversion to Islam: A study on the apostasy (murtad) cases in Malaysia. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences 12(8): 538-544.
- Saleh, H., Azmi, A. A., Hamdi, M. N. M. & Jasmi, K. A. 2022. Keperluan Sokongan Sosial dalam Pemerksaan Saudara Baharu Ibu Tunggal. Journal of Management Development 39(5): 619-643.
- Shaharuddin, S. A., Shaharuddin, H. N., Abdullah, M. Y. M. & Misra, M. K. A. 2018. Tahap Kefahaman Akidah dalam Kalangan Mualaf di Negeri Selangor. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah 5(1): 82-91.
- Subri, I. M., Rahman, A. A., Mutalib, M. A., Dali, N. R. S. M., Razali, M. F. a. W., Ibrahim, R. I., Musaddad, N. A., Shamsudin, S. N. & Ismail, N. 2015. Penerimaan penggunaan istilah mualaf dalam kalangan mualaf di Malaysia. Journal of Fatwa Management and Research 6(1): 111-134.